

10 JAN 2000

Isa-Tanding

SARANAN MT DAPAT KURANGKAN POLITIKING, KATA ISA

PORT DICKSON, 10 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad yakin hasrat Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingan dalam pemilihan parti Mei depan adalah untuk mengurangkan `politiking'.

Beliau berkata, perpecahan tidak dapat dielakkan jika terlalu banyak politiking.

"Seperti biasa kesan daripada pertandingan ini mengambil masa yang panjang untuk pulih dan ini tidak baik untuk Umno. Kerana itu kalau semua pihak menghormati pandangan MT, saya rasa Umno akan aman," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas saranan MT itu.

Sebelum itu beliau meraikan lebih 1,000 tetamu pada majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri di kediamannya di Kampung Baru, dekat sini, hari ini.

MT dalam mesyuaratnya pada 3 Jan lepas memutuskan supaya Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dikekalkan pada jawatannya manakala Abdullah dicalonkan untuk jawatan Timbalan Presiden. MT juga meminta agar kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

Mohd Isa yang juga pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, "kita baru sahaja lepas pilihan raya umum dan kita telah diberi mandat untuk memerintah, tanggungjawab kita sekarang ini ialah untuk membangunkan negara, kalau terlampau banyak politiking jadi masalah juga".

"Kita mahu kekalkan tradisi seumpama ini (tiada pertandingan). Kalau kita dapat kekalkan tradisi seumpama ini jadi Umno itu tidak banyak masalah...tidak berlaku perpecahan, orang akan lebih yakin dan tidak marah pada Umno..." katanya.

Mengenai kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang tersiar di akhbar hari ini bahawa beliau sedia bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno jika bahagian-bahagian Umno mahukan pertandingan bagi jawatan itu, Mohamed Isa berkata ia adalah suatu kenyataan yang tepat.

Ini kerana Abdullah pada masa ini ialah Timbalan Perdana Menteri dan sudah pastilah beliau bersedia bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden.

Mohamed Isa berkata, sebarang pendiriannya dan Umno negeri akan diumumkan selepas mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri kelak.

-- BERNAMA

RP PR